

Graduan UPM masih tunggu biasiswa

SAYA, pelajar ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah sebulan mengajar di sebuah sekolah di selatan tanah air.

Ketika pengajian saya mendapat biasiswa Kementerian Pendidikan, namun pada semester akhir, biasiswa saya masih belum dimasukkan berikutan proses kelulusan untuk melanjutkan biasiswa dari kementerian.

Ini bermakna ketika itu saya dikira berhutang dengan UPM kerana belum dapat menjelaskan yuran pengajian.

Oleh kerana ijazah saya hanya boleh diperolehi setelah hutang pengajian dijelaskan, maka saya terpaksa meminjam

dari saudara mara untuk membayar hutang itu.

Ini kerana saya perlu mengemukakan ijazah sebagai bukti kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang saya telah menamatkan pengajian dalam bidang berkaitan bagi membolehkan gaji saya dikira.

Pada 24 Oktober lalu, sekali lagi saya menghubungi bahagian biasiswa Kementerian Pendidikan berkaitan biasiswa saya. Saya dimaklumkan cek sudah dihantar ke UPM pada 16 Oktober, tetapi UPM memberitahu cek itu belum sampai lagi.

Seminggu kemudian, saya dihubungi bendahari UPM dan meminta surat bukti

yang menunjukkan saya menerima kelulusan perlanjutan biasiswa kementerian. Surat itu saya pos ke UPM keesokannya. Saya dimaklumkan wang biasiswa saya akan dimasukkan sebaik saja surat bukti itu diterima.

Kini telah lebih seminggu saya menunggu tetapi malangnya wang itu belum dimasukkan ke dalam akaun bank. Kini dengan pejabat bendahari UPM menjadi tumpuan pelajar baru, saya bimbang urusan memasukkan wang biasiswa ke dalam akaun menjadi lewat.

NAIMAH,
Skudai, Johor.